
BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Subseksyen 16(2) Akta Tatacara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan di DUN pada 2 Disember 2021. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2020 telah dibentangkan di DUN pada 29 Mac 2022. Manakala LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2020 Siri 1 pula telah dibentangkan pada 18 Julai 2022.

2. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) tidak mengadakan persidangan pada tahun 2021 akibat kekangan pergerakan dan penularan wabak Covid-19. Negara telah mengalami pandemik Covid-19 dan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan dalam tahun 2020 dan 2021 bagi menangani penularan wabak ini. Oleh itu, Jawatankuasa tidak dapat mengadakan mesyuarat seperti mana biasa. Sepanjang tahun 2021 sehingga 31 Ogos 2022, mesyuarat jawatankuasa hanya diadakan sekali sahaja iaitu pada 24 Februari 2022 bagi mengesahkan minit mesyuarat PAC Bil.1 Tahun 2020 serta membincangkan perancangan aktiviti bagi tahun 2022. Mesyuarat PAC Bil.2 Tahun 2022 telah dirancang untuk diadakan pada 17 Mac 2022, bagaimanapun terpaksa ditunda kerana terdapat ahli PAC yang perlu menjalani kuarantin kerana positif Covid-19.

2.2. Setakat 31 Ogos 2022, LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018 Siri 2; LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Siri 1 Tahun 2019; LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2019;

LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Siri 2 Tahun 2019; LKAN Aktiviti dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi Tahun 2020 Siri 1; serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2020 masih belum dibincangkan oleh Jawatankuasa.

2.3. Pada tahun 2022, dalam mesyuarat yang diadakan, Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan mengenai perancangan aktiviti dan laporan yang akan dibentangkan pada mesyuarat akan datang. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
	Bi. 1 Tahun 2022		
1.	24 Februari 2022	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan	<ol style="list-style-type: none">1. Pengesahan minit mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan Bil. 1/20202. Perbincangan perancangan aktiviti Jawatankuasa tahun 2022

Sumber: Jabatan Audit Negara